

BERHATI-HATI TERHADAP PENIPUAN.

Sentiasa berwaspada.
Lindungi diri anda.



Berurusan dengan selamat di lelaman myTax Portal

<https://mytax.iras.gov.sg>

LINDUNGI DIRI ANDA DARIPADA 4 PENIPUANINI YANG SERING BERLAKU

1.




PENIPUAN BAYARAN BALIK CUKAI

Berhati-hati jika anda menerima emel yang menawarkan bayaran balik cukai. Jangan klik pautan palsu!

Sebarang bayaran balik cukai akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun bank pembayar cukai yang berdaftar dengan IRAS atau melalui akaun PayNow (NRIC/FIN/UEN).

2.



PENIPUAN PELABURAN

Jika anda diminta membayar cukai keuntungan modal, cukai pendapatan atau Cukai Barang & Perkhidmatan (GST) ke atas keuntungan pelaburan anda, berhati-hati. Jangan bayar!

Tidak ada cukai keuntungan modal ke atas keuntungan yang diperolehi daripada penjualan pelaburan dan saham di Singapura.

3.




PENIPUAN EMEL PANCINGAN DATA

Berhati-hati terhadap emel pancingan data dan surat palsu yang cuba memperdaya dengan menggunakan identiti IRAS. Jangan terpedaya!

Sebarang kemaskini maklumat dan urus niaga harus dilakukan di lelaman myTax Portal sahaja.

4.



PENIPUAN SIJIL SETEM PALSU

Penipuan sijil setem palsu. Berhati-hati terhadap permintaan untuk membayar Cukai Setem Tambahan bagi Pembeli (ABSD) atau Cukai Setem bagi mendapatkan hartaanah sewa anda. Jangan terpedaya!

Lungsuri Portal Bayaran Cukai Setem Secara Elektronik (e-Stamping) untuk memeriksa kesahihan sijil setem yang diberikan kepada anda oleh pihak ketiga (peguam atau ejen hartaanah).

Pastikan ejen tersebut berdaftar dengan Majlis Agensi Hartaanah (CEA) dengan melakukan carian di lelaman CEA (<https://www.cea.gov.sg/aceas/public-register/sales/1>) dan pastikan nombor telefon bimbit yang tertera betul.

Untuk melaporkan penipuan atau percubaan memancing data, berbual dengan kami atau hubungi talian penting IRAS di 1800 356 8300 dari Isnin hingga Jumaat, 8 pagi hingga 5 petang (kecuali Cuti Umum). Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi talian penting polis di 1800 255 0000, atau membuat laporan di www.police.gov.sg/iwitness.